

## DBKL tutup 26 premis milik warga asing

**PETALING JAYA** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenakan tindakan penutupan (*sealed*) ke atas 26 premis perniagaan kerana dikendalikan oleh warga asing tanpa kebenaran.

DBKL berkata, tindakan melalui Seksyen 101(1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 itu dibuat selepas pihaknya mengadakan operasi Ops Patuh yang bermula 16 September lalu sehingga semalam.

Hasil operasi itu juga, DBKL memaklumkan, pihaknya telah menahan 44 orang warga asing yang terdiri daripada 15 orang warga Bangladesh, Indonesia (12), Pakistan (10) dan tujuh

warga India bagi tujuan dokumentasi dan tindakan susulan agensi penguat kuasa lain.

"DBKL turut mengeluarkan 11 notis kompaun menerusi Akta 342 dengan pelbagai kesalahan terhadap individu/pemilik premis/syarikat yang ingkar pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang ditetapkan pihak Majlis Keselamatan Negara.

"DBKL turut mengeluarkan 115 notis kompaun pelbagai kesalahan lain," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam,

DBKL berkata, operasi selama 15 hari itu telah memeriksa 471 premis.



**PENGUAT** kuasa DBKL menampal notis arahan penutupan ke atas salah sebuah premis yang telah dikenakan tindakan semasa Ops Patuh.